

10 AUG 2000

Badminton-Bakti

KEJOHANAN BADMINTON PIALA PERDANA 2000 DI LANGKAWI

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Isteri-isteri menteri, timbalan menteri, menteri besar dan wakil rakyat negeri-negeri berkumpul di sini mulai hari ini untuk menyertai Kejohanan Badminton Piala Perdana 2000.

Kejohanan anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) itu bertujuan memupuk persahabatan dan ikatan lebih erat di kalangan isteri-isteri pemimpin rakyat pelbagai peringkat.

Turut serta ialah Yang Dipertua Bakti Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan timbalannya Datin Seri Hendon Mahmud.

Selain Bakti, 11 lagi pasukan terdiri daripada persatuan isteri-isteri pemimpin negeri, mengambil bahagian dalam kejohanan empat hari itu -- Bidara (Kedah), Balkis (Selangor), Baiduri (Perak), Teratai (Pahang), Juita (Johor), Bistari (Melaka), Bakisa (Sabah), Sabati (Sarawak), Pekerti (N.Sembilan), Baidunita (Perlis) dan Bunga Tanjung (P.Pinang).

Kejohanan itu dirasmikan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kata-kata aluannya di buku cenderamata kejohanan itu berkata isteri-isteri pemimpin merupakan barisan hadapan untuk mengajak rakyat merealisasikan wawasan negara.

Sikap yang tidak pernah mengenal jemu dan penat, adalah komitmen mereka yang penting kepada pembangunan negara, katanya.

Dr Mahathir yakin kejohanan itu akan mencapai matlamat bagi memupuk persahabatan dan ikatan yang lebih erat di kalangan isteri-isteri pemimpin itu.

Beliau dijangka menutup kejohanan itu Ahad ini.

-- BERNAMA

NH RON